

→ EKSKLUSIF

Fakta nombor


18-30

PERATUS

sebulan nilai hibah dijanjikan kepada pelabur

14
PENTADBIR

dilantik kendali laman sosial bagi menarik minat pelabur menyertai skim



Ladang ternakan lembu dan projek penanaman cili (gambar kanan) bersebelahan rumah ibu pemilik perniagaan di Jerantut.

Pelabur resah hibah tak kunjung tiba

→ Janji manis pemilik pelaburan asas tani perdaya jutaan ringgit duit peserta

Oleh Unit Khas BH
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Sihil pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dijadikan lesen oleh sebuah perniagaan berstatus enterprise dari Pahang, untuk memperdayakan ribuan peserta dari seluruh negara hingga berhasil mengumpul jutaan ringgit sejak setahun lalu.

Peserta skim terbabit terdiri daripada pelbagai latar belakang, daripada golongan profesional, kaitangan swasta dan penjawat awam, yang terpengaruh kerana dijanjikan keuntungan atau hibah di antara 18 hingga 30 peratus sebulan.

Ia membatikan pelaburan secara pembelian lot tanaman cili fertigasi (RM60), bahagian terna-

kan kambing (RM350) dan lembu (RM750) yang kononnya diusahakan syarikat itu di Rantau, Negeri Sembilan; Banting, Selangor serta Jerantut, Pahang.

Tanpa premis sebagai pejabat yang sempurna, pemilik perniagaan yang tinggal di Rawang itu, dikesan menjadikan rumah ibunya terletak bersebelahan kandang ternakan dan kebun cili di sebuah kampung dekat Jerantut sebagai tempat operasi.

Labur sehingga RM120,000

Dalam usaha mencari mangsa, pemilik perniagaan melantik beberapa pelabur awal sebagai ejen menerusi akaun Facebook serta laman sembang WhatsApp, dengan komisyen sehingga 15 peratus daripada pelaburan baharu yang dibawa masuk.

Ada mangsa yang terpengaruh, melabur sehingga RM120,000 seorang, selain ada yang turut mendaftar pelaburan atas nama anak serta ahli keluarga.

Bagi meyakinkan pelabur baharu, mereka memamerkan salinan sijil pendaftaran perniagaan yang dikeluarkan SSM sambil mendakwa pelaburan itu tidak dihalang Bank Negara Malaysia (BNM) walaupun gagal menunjukkan surat kebenaran mengutip modal.

Unit Khas BH membuat siasatan terhadap perniagaan terbabit sejak April lalu, termasuk menyertainya

sebagai pelabur, meninjau sendiri kebun cili serta ternakan di Jerantut sambil menemubual ibu pemilik perniagaan terbabit.

Ladang cili kurang 0.4 hektar

Paling diragui, bagaimana penanaman cili atas tapak yang keleluasaninya kecil tidak sampai 0.4 hektar di situ mampu menjanjiakan pulangan lumayan kepada pelabur, sedangkan ketika tinjauan dibuat, tanaman itu juga belum mengeluarkan hasil.

Ibu pemilik perniagaan yang ditemu ketika tinjauan itu, secara jujur mengakui, tiada apa yang perlu dirisaukan kerana pelabur pasti akan mendapat bayaran fadah yang disebut hibah, seperti dijanjikan kerana anaknya ada dalam mencukupi.

Tak perlu risau. Tak perlu tunggu ada hasil cili atau ternakan, baru boleh bayar sebab kami boleh pakai dulu duit pelabur baharu. Duit itu tidak akan putus sebab anak saya (pemilik perniagaan) juga ada buat pinjaman bank.

"Orang baharu masuk, kami boleh pakai dulu untuk bayar yang lain. Nanti ada untung lepas jual cili, boleh tumpang semula duit yang dipakai itu. Sama saja konsepnya."

"Setakat ini, semua orang dapat bayaran mereka setiap bulan," katanya.

BH juga menghubungi pemilik

perniagaan terbabit, yang memberikan maklumat bercanggah dengan penemuan wartawan sepanjang tinjauan di Jerantut.

Antaranya, dia mendakwa skim pelaburan itu dijalankan sejak April tahun lalu, sedangkan menurut ibunya sendiri, skim terbabit baru dibuka kepada awam awal tahun ini.

Malah, beberapa penduduk yang temui di kampung itu juga memberitahu; ladang kecil perniagaan itu baharu dibuka di situ sejak beberapa bulan lalu.

Malah, beberapa kali pemiliknya memberi maklumat bercanggah apabila pada awalnya memberitahu ada 200 orang sudah melabur tetapi apabila diberitahu berhasrat membuat pelaburan yang tinggi, angka itu berubah kepada lebih 3,000 orang.

Begitu juga maklumat diberikan ejen pelaburan yang mengatakan pemilik perniagaan itu baru pulang dari Bangkok untuk urusan pembelian kambing tetapi ketika dihubungi, lelaki itu memberitahu dalam perjalanan ke Perak untuk urusan itu.

Semakin dengan SSM mengesahkan perniagaan itu hanya berstatus enterprise dengan pemilik tunggal.

Menurut Bank Negara Malaysia (BNM) pula, hanya syarikat berstatus sendirian berhad dibenar mempraktikkan skim berkepentingan

ngan iaitu mengutip modal daripada pelabur untuk mengembangkan perniagaan.

BNM tidak benar kutip pelaburan modal

Jurucakap BNM menegaskan, perniagaan berstatus enterprise tidak boleh mengutip sebarang pelaburan modal, malah syarikat berstatus sendirian berhad juga tidak boleh sewenang-wenangnya mengutip modal pelaburan, selagi tiidak mendapat kelulusan SSM.

Sementara itu, semakan terkini BH mendapati, mulai 3 Julai lalu, perniagaan terbabit mengumumkan pemberhentian pendaftaran pelabur baharu serta menamatkan pembayaran hibah kepada semua pelaburnya.

Pengumuman itu dibuat selepas ramai pelabur mulai resah dan mempersoalkan dokumen perjanjian yang gagal disiapkan selain bayaran hibah tidak ditunaikan dalam tempoh dijanjikan.

Pemiliknya menerusi kenyataan yang disebarluaskan ejen menerusi aplikasi WhatsApp yang turut disertai wartawan BH, berjanji memulangkan semua modal berkenaan tetapi setakat ini, belum ada pelabur menerima bayaran balik.

BAHAGIAN KEDUA - Ikuti hasil siasatan pihak berkuasa dan semakan BH, terhadap akaun pemilik perniagaan terbabit.